

PROMOSI DEPOSIT TETAP DALAM TALIAN/DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN BAGI PELANGGAN BAHARU

Dikemas kini pada 6 September 2023

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap Dalam Talian/Deposit Tetap-i Dalam Talian bagi Pelanggan Baharu” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 01 September 2023 dan berakhir pada 30 September 2023, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausus 14** di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang memegang akaun bagi Akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”)(“Akaun/Akaun-i Sertaan”) dan memenuhi kriteria berikut (“Pelanggan”):
 - (a) mendaftar diri untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“Hong Leong Connect”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi; dan
 - (b) membuka dan mengendalikan Akaun Deposit Tetap Dalam Talian / Deposit Tetap-i Dalam Talian (“eFD/eFD-i”) melalui Hong Leong Connect buat kali pertama semasa tempoh promosi.
2. Bagi mengelakkan keraguan,
 - (i) pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang eFD/eFD-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
 - (ii) pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD/eFD-i dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah disyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung didalam T&S Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, T&S Hong Leong Connect dan T&S yang berkenaan dengan Akaun/Akaun-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Promosi ini **TIDAK** disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

6. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan diatas dan yang membuat peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i melalui Hong Leong Connect bagi amaun antara Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Minimum sehingga Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Maksimum (“Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i”) ke dalam Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang baharu masing-masing bagi Tempoh berkenaan yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar Promosi eFD/eFD-i sepadan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Tarikh Efektif	Tempoh	Kadar Promosi ¹	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
01 – 10 September 2023	3 bulan	3.80% setahun	RM1,000	RM200,000
11 – 30 September 2023	3 bulan	3.70% setahun	RM1,000	RM200,000

¹ Kadar Promosi mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR) atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klaus 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, seorang Pelanggan Layak hanya boleh membuat **SATU** (1) peletakan eFD/eFD-i.
9. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan deposit eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i mestilah daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges ("FPX").
10. FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had sspindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
11. Pemprosesan peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari berkerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD/eFD-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan.
12. Kadar Promosi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dapat dinikmati Pelanggan Layak bagi peletakan yang dibuat menerusi Hong Leong Connect antara 06:00 pagi dengan 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi di Hong Leong Connect atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD/eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.
13. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i masing-masing atau pengeluaran auto dan dikreditkan ke CASA/CASA-i Namaan, yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
14. Jumlah saiz dana untuk Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

Tempoh	Had Saiz Dana
3 bulan	RM100 juta

15. Jika Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang melebihi Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.

16. Tanpa mengambil kira sebarang klausa dalam T&C ini, Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/keperluannya untuk Promosi (“**Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria**”),

- a. dengan memberi notis awal melalui
 - i. pengumuman di laman web HLB dan/atau HLISB; atau
 - ii. notis di cawangan HLB dan/atau HLISB; atau
 - iii. mana-mana cara pemberitahuan lain yang Bank dapatkan wajar.
- b. Perubahan Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan Yang Layak dari tarikh berkuat kuasa seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan berkennaan.
- c. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web HLB dan/atau HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Promosi bagi memastikan pihak pelanggan mengetahui dengan sebarang Perubahan Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria.

Sebarang perubahan pada Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria tidak terpakai untuk peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.

17. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i Namaan**”) bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.

18. Jika Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.

19. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i.

20. Pelanggan HLISB bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eDeposit Tetap-i sebelum tarikh matang.

21. Tertakluk kepada Klausa 18 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian eDeposit Tetap dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eDeposit Tetap kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD mengikut Klausa 18.

22. Tertakluk kepada Klausa 18 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eDeposit Tetap -i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eDeposit Tetap -i mengikut Klausa 18.

23. Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak. kecuali Amaun Peletakan eFD digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Untuk pengaturan janji tersebut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.

UMUM

24. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i;
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang HLB dan/atau HLISB www.hlb.com.my/www.hlisb.com.my (“**Laman Sesawang Bank**”) secara kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (v) faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
25. Bank berhak:
- (i) dengan notis awal kepada pelanggan, menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
 - (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan terma dan syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Promosi T&S dikesan.
26. T&S di dalam ini, T&S Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, T&S Akaun eDeposit Tetap Hong Leong, T&S Deposit Tetap-i Hong Leong dan T&S Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
27. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
28. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit ([rujuk Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i Dalam Talian berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.